

**Kegiatan Ilmu Pengetahuan Berasaskan Islam di Johor dalam Era Imperialisme British antara tahun 1914 hingga 1941**  
*(Islamic Knowledge-Based Activities in Johor in the Era of British Imperialism between 1914 to 1941)*

Noorilham Ismail,\* Zulkanain Abdul Rahman,\*\* Nur Dayana Mohamed Ariffin\*\*\* & Norasmahani Hussain\*\*\*\*

**Abstrak**

Perbincangan dalam makalah ini difokuskan kepada kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam di Johor dari 1914 hingga 1941 ketika era imperialisme British. Objektif makalah ini adalah untuk memperlihatkan bahawa kegiatan ilmu pengetahuan di Johor masih berterusan melalui wujudnya institusi pendidikan berteraskan Islam dan tersedianya bahan-bahan ilmiah berautoriti buat masyarakat waktu itu. Perkara ini diketengahkan kerana sepanjang tempoh imperialisme British di Johor, terdapat perkara yang menggugat kedudukan Islam seperti penyebaran ajaran Kristian serta isu-isu berkaitan masalah sosial. Garis masa yang ditumpukan dalam makalah ini adalah dari tempoh penerimaan Penasihat Am British di Johor pada 1914 sebelum Perang Pasifik berlaku pada 1941. Usaha-usaha untuk mempergiat kegiatan ilmu pengetahuan ini dilakukan secara berstruktur dalam kalangan pembesar Melayu, golongan berautoriti dalam agama Islam di samping usaha-usaha daripada individu-individu dalam masyarakat. Penyelidikan ke atas dokumen-dokumen dari arkib terpilih telah dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis ke atas dokumen-dokumen tertentu. Perolehan dokumen tersebut adalah dari Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor. Analisis telah dibuat terhadap dokumen-dokumen terbabit bagi menghasilkan perbincangan yang tersusun dan informatif berdasarkan disiplin sejarah. Sebagai tambahan, sumber sekunder ilmiah seperti artikel jurnal, buku dan tesis telah digunakan bagi melengkapkan naratif perbincangan. Makalah ini kemudiannya menuju ke kesimpulan bahawa keberadaan institusi pendidikan berkaitan Islam dan penyediaan bahan ilmiah berautoriti telah mengukuhkan kegiatan ilmu pengetahuan di Johor walaupun British giat memperluaskan dasar imperialismenya.

**Kata kunci:** Kegiatan ilmu pengetahuan, institusi pendidikan, Islam, Johor, imperialisme British

**Abstract**

*The discussion in this paper focuses on Islamic knowledge-based activities in Johor from 1914 to 1941, during British imperialism. The objective of this paper is to demonstrate that knowledge activities in Johor are still ongoing due to the presence of Islamic-based educational institutions and the availability of authoritative scientific materials for the community at that time. This point is highlighted because throughout the period of British imperialism in Johor, there were things that threatened the position of Islam such as the spread of Christianity as well as issues related to social problems. This article covers the period between 1914, when the British General Counsel was accepted in Johor, and 1941, right before the Pacific War began. Efforts to intensify the knowledge activities were done in a structured manner among the Malay rulers, Islamic religious leaders, and the efforts of individuals in society. Research on documents from selected archives was made using qualitative methods through the analysis of certain documents. The documents were retrieved from the National Archives of Malaysia in Kuala Lumpur and the National Archives of Malaysia Johor Branch. The documents were analyzed to create a systematic and instructive debate based on the discipline of history. In addition, secondary scholarly sources such as journal articles, books, and theses were used to complement the narrative of the discussion. The research concludes that the presence of Islamic-related educational institutions, as well*

---

\* Noorilham Ismail (corresponding author), Researcher, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: noorilham\_ismail@yahoo.com.

\*\* Zulkanain Abdul Rahman, Associate Professor, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: zulkana@um.edu.my.

\*\*\* Nur Dayana Mohamed Ariffin, Senior Lecturer, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: ndayana@um.edu.my.

\*\*\*\* Norasmahani Hussain, Senior Lecturer, History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: norasmahani@usm.edu.my.

**Keywords:** Knowledge activities, educational institutions, Islam, Johor, British imperialism

## Pengenalan

Kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam dalam Kerajaan Johor merupakan satu perkara penting dalam tempoh imperialisme British dari penghujung kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. Kegiatan berkenaan dapat dijalankan apabila wujudnya institusi pendidikan di samping peranan individu yang memperluaskan penghasilan karya-karya ilmiah. Lebih signifikan dan bakal menjadi tumpuan kajian ini apabila kegiatan ilmu pengetahuan tersebut tetap bertahan serta berterusan walaupun imperialisme British semakin meluas di Johor sekitar tahun 1914 hingga 1941. Kegiatan ini pada asasnya selari dengan kedudukan Islam sebagai identiti kerajaan seperti yang telah termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (UTKJ) 1895. Melalui fasal 57 UTKJ, perkara berkenaan disebut sebagai:

Adalah yang dikatakan “agama negeri” bagi jajahan dan Kerajaan Johor ini iaitu agama Islam maka yang demikian hendaklah agama Islam itu berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya menjadi dan diaku dan disebut sebagai “agama negeri” yakni tiadalah sekali-kali boleh sebarang agama lain dijadikan atau disebut agama negeri sungguhpun segala agama lain ada dibenarkan dan sentiasa termaklum patut dibenarkan dengan aman dan sempurna boleh diperagamkan dalam segala segenap daerah takluk Kerajaan Johor yang beragamakan ia.<sup>1</sup>

Mengenai kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam di Johor pada awal kurun ke-20, perkara tersebut dapat dinilai berdasarkan dua keadaan iaitu dari gambaran besar dan gambaran kecil. Gambaran besar itu merujuk keadaan di Alam Melayu secara umumnya yang telah mengalami perubahan ketara dari segi kegiatan ilmu pengetahuan di samping pertumbuhan institusi pendidikan sejak kedatangan Islam. Bagi gambaran kecil pula, ia adalah berkaitan dengan perkembangan kegiatan ilmu pengetahuan berpaksikan Islam dalam Kerajaan Johor itu sendiri sebelum penguasaan British khususnya sewaktu era pentadbiran Maharaja Abu Bakar (1862-1895) sebelum diambil alih oleh anakanda baginda, Sultan Ibrahim (1895-1961). Dengan itu, subtajuk selepas ini akan memberi penekanan kepada kedua-dua perkara berkenaan sebelum tinjauan terhadap isu imperialisme British dibincangkan secara umum.

Bagi imperialisme British itu sendiri, kajian ini lebih menumpukan isu imperialisme idea berbanding dengan penekanan kepada imperialisme politik atau ekonomi. Hal ini dibuat selaras dengan tumpuan kajian ini yang mengutamakan soal kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam dalam Kerajaan Johor. Secara umum, sarjana seperti Syed Hussein Alatas telah memperincikan imperialisme idea sebagai:

*Intellectual imperialism is the domination of one people by another in their world of thinking. Intellectual imperialism is usually an effect of actual direct imperialism or is an effect of indirect domination arising from imperialism... the political and economic structure of imperialism generated a parallel structure in the way of thinking of the subjugated people... then is the product of intellectual imperialism.<sup>2</sup>*

Melalui kenyataan itu, isu imperialisme berbentuk idea oleh pihak British sememangnya sesuai dengan definisi tersebut kerana British bukan sahaja bermotifkan pengawalan politik dan penguasaan ekonomi semata-mata, bahkan turut melibatkan peluasan idea pembaratan. Dalam hal ini, timbul beberapa persoalan, apakah idea atau pemikiran yang cuba diterapkan oleh British melalui imperialismenya? Persoalan itu akan dijawab dalam subtajuk seterusnya dalam kajian ini.

## Metodologi

Makalah ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penyelidikan ke atas dokumen primer dari Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor. Dokumen-dokumen

<sup>1</sup> J/PU 3 (1895), Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>2</sup> Syed Hussein Alatas (2000), “Intellectual Imperialism: Definition, Traits, and Problems,” *Southeast Asian Journal of Social Science*, Jil. 28, Bil. 1, h. 24.

tersebut antaranya seperti *Johor Annual Report*, fail Pejabat Kolonial (CO 273), Jabatan Agama Johor, Fail Pejabat Ugama (J/UG 7), Majalah Ahkam Johor (J/UG X), Fail Pejabat Kadi (J/KAD2) di samping sumber dari Fail Jabatan Setiausaha (J/SUK 1). Kesemua dokumen ini telah dianalisis bagi menghasilkan hujahan perbincangan yang objektif. Pada masa yang sama, sumber sekunder berautoriti turut digunakan seperti buku, tesis, artikel jurnal dalam usaha untuk mencapai kandungan perbincangan yang lebih informatif dan autoritatif. Kesemua maklumat yang diperoleh itu telah dijadikan sebagai pelengkap kerangka perbincangan bagi kajian ini.

### **Islam di Alam Melayu**

Bagi memperincikan gambaran besar kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam yang melatari Kerajaan Johor, ia perlu dilihat dalam garis jangka masa panjang dan lingkungan geografi yang lebih luas. Untuk garis masa, ia perlu diteliti pada sekitar kurun ke-17 sehingga kurun ke-19 dan lokasinya adalah terletak di kepulauan Melayu itu sendiri yang telah menyaksikan pertumbuhan ilmu pengetahuan berasaskan Islam. Hasilnya, muncullah manuskrip-manuskrip Melayu yang memuatkan maklumat berkaitan politik, ilmu tauhid, kitab perubatan selain ilmu sufistik dan kitab berkaitan ilmu bahasa. Penghasilan karya-karya tersebut membuktikan bahawa Islam yang datang ke Kepulauan Melayu telah membentuk generasi pemikir wacana ilmiah. Sarjana seperti Syed Muhammad Naquib Al-Attas berpandangan bahawa kehadiran Islam telah menimbulkan intelektualisme dan rasionalisme yang dapat dibayangkan sebagai semangat hebat yang menggerakkan proses merevolusikan pandangan hidup masyarakat Melayu.<sup>3</sup>

Ternyata bangsa Melayu di Kepulauan ini sememangnya telah menerima suntikan intelektual kesan daripada proses Islamisasi yang berlaku. Pemikiran rasional telah mengambil tempat dalam diri bangsa Melayu bagi menghakis secara beransur-ansur kepercayaan mitos, tasyul dan nilai estetik yang bercampur-baur dengan elemen-elemen lain seperti animisme, dinamisme di samping pengaruh Hindu-Buddha yang sedikit sebanyak wujud dalam masyarakat. Kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam ini telah digerakkan oleh pemikir seperti Syeikh Hamzah Fansuri (kurun ke-16-17 M), Syeikh Nuruddin Ar-Raniri (kurun ke-17 M), Abdul Rauf Singkel (kurun ke-17 M), Bukhari Al-Jauhari (kurun ke-18) dan tidak terkecuali Raja Ali Haji (kurun ke-19 M) dengan penghasilan karya *magnum opus* masing-masing.<sup>4</sup>

Kesemua pemikir ini telah memperluaskan hasil intelektual mereka menerusi penulisan-penulisan yang dihasilkan dalam Bahasa Melayu seperti *Asrar-al Arifin* dan *Syarab al-Asyikin* yang berunsurkan ilmu sufi oleh Sheikh Hamzah Fansuri dan kitab berkaitan ilmu politik seperti *Taj-Us-Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari.<sup>5</sup> Untuk karya berkaitan akidah pula, Sheikh Nuruddin Ar-Raniri telah menghasilkan *Lata'if al-Asrar li-Ahl Allah al-Atyar* manakala Abdul Rauf Singkel telah menterjemah naskhah Al-Quran ke dalam bahasa Melayu melalui penghasilan *Turjuman Al-Mustafid*.<sup>6</sup> Bagi menghidupkan korpus bahasa Melayu dan falsafah bahasa tersebut, Raja Ali Haji telah menghasilkan *Bustan Al-Katibin* yang siap dikarang pada tahun 1850.<sup>7</sup> Berkenaan dengan usaha bagi menghasilkan sebuah rujukan mengenai pendidikan Bahasa Melayu telah disebutkan oleh Raja Ali Haji dalam Muqaddimah karyanya:

Inilah suatu kitab yang sampun (ringkasan) bagi orang yang berkehendak mengenal segala huruf Melayu dan suratannya dan aku atur akan dia suatu Muqaddimah

<sup>3</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: ABIM, h. 19-20.

<sup>4</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1966), "The Mysticism of Hamzah Fansuri," Tesis Doktor Falsafah, School of Oriental and African Studies, University of London; Muhammad Zainiy Uthman (2011), *Lata'if al-Asrar li-Ahl Allah al-Atyar of Nur al-Din al-Raniri: An Annotated Transliteration Together with a Translation and an Introduction of His Exposition on The Fundamental Aspects of Sufi Doctrines*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia; Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2014), *Turjuman Al-Mustafid: Terjemahan Tafsir al-Baydawi oleh Syaykh 'Abd Ra'uf ibn 'Ali al Fansuri al-Jawi*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah; Khalid M. Hussain (1992), *Taj Us-Salatin (Karangan Bukhari Al-Jauhari)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Hashim Musa (2005), *Bustan al-Katibin (Karangan Raja Ali Haji)*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

<sup>5</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1966), "The Mysticism of Hamzah Fansuri," Tesis Doktor Falsafah, School of Oriental and African Studies, University of London, h. 382 dan 474; Khalid M. Hussain (1992), *Taj Us-Salatin (Karangan Bukhari Al-Jauhari)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 43.

<sup>6</sup> Muhammad Zainiy Uthman (2011), *Lata'if al-Asrar li-Ahl Allah al-Atyar of Nur al-Din al-Raniri: An Annotated Transliteration Together with a Translation and an Introduction of His Exposition on The Fundamental Aspects of Sufi Doctrines*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 459; Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2014), *Turjuman Al-Mustafid: Terjemahan Tafsir al-Baydawi oleh Syaykh 'Abd Ra'uf ibn 'Ali al Fansuri al-Jawi*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. v.

<sup>7</sup> Hashim Musa (2005), *Bustan al-Katibin (Karangan Raja Ali Haji)*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, h. xiii.

(pendahuluan) dan beberapa Fasal dan satu Khatimah (penutup)... yakni aku namai akan dia Bustan al-Katibin ya'ni "Perkebunan Jurutulis bagi Kanak-kanak yang Hendak Berlajar".<sup>8</sup>

Berdasarkan petikan tersebut, kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam ternyata turut dibangunkan melalui instrumen pendidikan bahasa yang menjadi sebahagian daripada budaya ilmu di Alam Melayu. Usaha daripada Raja Ali Haji ini kemudiannya turut dipergiat oleh pemikir di Johor seperti yang akan ditekankan dalam sub-subtajuk berikutnya. Keadaan ini jelas memperlihatkan sebuah gambaran besar yang membabitkan kegiatan ilmu di Alam Melayu sebelum ia turut diperluaskan dalam Kerajaan Johor. Dengan itu, kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam ini terus menjadi perhatian dan keperluan untuk dilaksanakan oleh para pembesar Melayu di Johor sekitar kurun ke-20.

### Islam dalam Kerajaan Johor

Dari segi gambaran kecil yang telah membolehkan kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam tumbuh dalam Kerajaan Johor, ia wujud hasil pembangunan di peringkat domestik. Pembangunan berkenaan terbentuk hasil usaha oleh elit pemerintah Melayu yang turut disambut baik dan disokong oleh masyarakat di Johor. Tambahan pula, Kerajaan Johor turut mencapai kesepakatan dengan pihak British berhubung isu persempadanan dan keselamatan perairan dari sebarang kegiatan pencerobohan dan penyeludupan.<sup>9</sup> Elemen-elemen ini selanjutnya diperkemaskan dengan idea pemodenan yang bukan sahaja disesuaikan dari idea-idea Barat oleh British dan Kerajaan Uthmaniyyah, bahkan idea itu turut dibawa masuk ke Johor dari sekitar Kepulauan Melayu khususnya Kepulauan Riau. Justeru, gambaran kecil yang mengandungi instrumen pemangkin ke arah kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam adalah seperti berikut:

- i. Pembentukan UTKJ 1895.
- ii. Pentadbiran agama Islam yang sistematik.
- iii. Penyediaan infrastruktur yang menggalakkan pertumbuhan maklumat di samping ilmu pengetahuan.

Mengenai falsafah pentadbiran kerajaan, UTKJ 1895 telah meletakkan Islam sebagai identiti pentadbiran selain daripada pemerintah tertinggi yang menerajui Kerajaan Johor perlulah memiliki syarat sebagai seorang yang beragama Islam.<sup>10</sup> Idea-idea yang terdapat dalam UTKJ ini telah diadunkan dengan idea daripada kitab perundangan karangan Raja Ali Haji, *Thammarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik* yang diambil oleh Maharaja Abu Bakar sewaktu kunjungan beliau ke Kepulauan Riau pada 18 April 1868.<sup>11</sup> Paling penting apabila UTKJ itu sendiri telah menggariskan larangan kepada pemimpin kerajaan Johor dari menyerahkan kedaulatan negeri kepada pihak lain yang mencerminkan ketegasan untuk mempertahankan kemerdekaan bangsa.<sup>12</sup>

Dalam mengimbangi tekanan dan pengaruh daripada imperialis British, para pembesar Melayu di Johor turut digandingkan dengan pegawai-pegawai dari Eropah untuk mengendalikan pentadbiran kerajaan Johor yang sesuai dengan kedudukannya sebagai kerajaan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan British.<sup>13</sup> Rentetan daripada itu, pentadbiran Kerajaan Johor semakin tersusun dengan adanya bahagian pertahanan seperti *Johor Military Force* (JMF).<sup>14</sup> Manfaat yang diterima ini kemudiannya telah menjadikan pentadbiran Kerajaan Johor lebih berstruktur dalam bentuk Ahli Jumaah Kerajaan Johor. Antara barisan kepimpinan tersebut termasuklah Dato' Abdullah bin Tahir (Dato' Sri Setia Raja), Dato' Muhammad Ibrahim bin Haji Abdullah Munsyi (Dato' Bentara Dalam), Dato' Muhammad Salleh bin Perang (Dato' Bentara Luar), Dato' Syed Salim bin Ahmad al-Attas (Dato' dan Mufti), Dato' Muhammad Yahya bin Awaluddin, Dato' Haji Abdul Rahman (Dato' dan Qadi), Dato' Yahya bin Sya'ban, Dato' Andak, Dato' Muhammad bin Mahbub dan Dato' Abdul Rahman bin Andak

<sup>8</sup> Hashim Musa (2005), *Bustan al-Katibin (Karangan Raja Ali Haji)*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, h. 3-4.

<sup>9</sup> 2012/0013772, CO 273/319 No. 46548 (1906), Secretary Of State: Straits Of Johore, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>10</sup> J/PU 3 (1895), Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>11</sup> Khalif Muammar A. Harris (2016), *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji: Huraiyan Terhadap Thammarat al-Muhimmah & Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 24.

<sup>12</sup> J/PU 3 (1895), Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>13</sup> Rupert Emerson (1964), *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 198.

<sup>14</sup> JSUK 1 141 (1902), State Secretariat Letter Book, 1900-1902, Band Instruments Presented to Singapore Volunteer Corps, 6 Julai 1901, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia cawangan Johor; 1974/0000479 (1916), Annual Report OF J.M.F. For 1915, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

(Dato' Sri Amar Diraja).<sup>15</sup> Asas kepada urusan pentadbiran Islam turut diperkenalkan menerusi pemeriksaan pegawai-pegawai dalam hal ehwal agama Islam, Baitulmal dan sistem pengurusan masjid.<sup>16</sup>

Dalam konteks infrastruktur pula, para pembesar Melayu di Johor turut memberi perhatian kepada pembinaan laluan perhubungan yang menemukau kawasan bandar dan luar bandar pada masa itu. Sistem Residen yang diketuai oleh Ungku Abdul Rahman sebagai wakil mutlak Maharaja turut diwujudkan untuk pentadbiran jajahan dan daerah dengan dibantu dua orang pegawai dengan gelaran Pesuruhjaya Jajahan iaitu Ungku Abdul Majid untuk Residensi Sungai Muar dan Pantai Barat Johor manakala Ungku Abdullah untuk Residensi Endau dan kawasan Pantai Timur Johor.<sup>17</sup> Rangkaian kemajuan dari segi pentadbiran kawasan dan pelaksanaan urus tadbir yang berstruktur ini ternyata telah memudahkan urusan masyarakat serta penyampaian maklumat di Johor. Dari sinilah kemudiannya kegiatan ilmu pengetahuan berdasarkan Islam dalam kerajaan Johor dipergiatkan meskipun negeri di bahagian selatan Tanah Melayu ini berada di bawah pengaruh imperialisme British.

### **Era Imperialisme British 1914-1941**

Mengenai peluasan imperialisme British di Johor, perkara tersebut berlaku dalam pelbagai aspek sama ada politik, ekonomi maupun budaya. Perkara ini turut membabitkan ancaman kepada soal agama Islam yang sememangnya mempunyai kedudukan tersendiri dalam pentadbiran Kerajaan Johor seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Sekiranya diteliti, Johor tidak bersendirian dalam menerima kesan daripada imperialisme British ini kerana negeri-negeri Melayu lain terlebih awal telah jatuh ke tangan British bermula dengan Perak menerusi Perjanjian Pangkor 1874 diikuti oleh Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah melalui Perjanjian Bangkok 1909.<sup>18</sup> Tempoh kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 sememangnya merupakan ‘garis masa puncak’ kepada imperialisme British ke atas tanah jajahannya yang merentasi pelbagai benua. Siri-siri peperangan seperti Perang Candu dengan Kerajaan China, kekalahan Dinasti Konbaung di Myanmar, kejatuhan Singapura ke tangan pentadbiran Stamford Raffles merupakan antara peristiwa yang telah memperkuuhkan penguasaan British di sebahagian besar kawasan Asia. Bagi Tanah Melayu secara keseluruhannya, kawasan ini merupakan laluan kepada tanah jajahan British dari India ke China pada tempoh tersebut.<sup>19</sup>

Mengenai peluasan imperialisme British, kuasa tersebut giat melaksanakan penguasaannya di rantau Asia Tenggara pada kurun ke-19. Perjanjian Inggeris-Belanda pada 1824 misalnya telah mengukuhkan lingkungan pengaruh British di rantau itu.<sup>20</sup> Perjanjian tersebut menetapkan sempadan kuasa antara dua penjajah Eropah berkenaan di belahan utara dan selatan Singapura. Melalui perjanjian ini, British tiada hak terhadap lokasi seperti Riau, Lingga, Pulau Karimun, Batam dan pulau-pulau di selatan Singapura manakala Belanda tidak memiliki hak ke atas Singapura dan wilayah utaranya bahkan Melaka menjadi milik British lalu Belanda memperoleh Bencoolen (Bengkulu) sebagai kawasan miliknya.<sup>21</sup> Kedudukan British menjadi lebih kukuh selepas terbentuknya Negeri-Negeri Selat (NNS) pada 1836 yang terdiri daripada Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Di Pulau Pinang sendiri, pihak British telah membangunkan negeri tersebut dengan menumpukan isu-isu keselamatan yang berkaitan dengan jenayah, pengurusan banduan dan penjara.<sup>22</sup> Lantaran itu, British berjaya mengukuhkan pengaruhnya di rantau Asia Tenggara biarpun dasar campur tangan secara langsung ke atas hal ehwal Negeri-Negeri Melayu belum lagi dilaksanakan sebelum 1874.

<sup>15</sup> Bharuddin Che Pa (2007), “Pengaruh Islam dalam Sejarah Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895,” *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 2, Bil. 1, h. 92.

<sup>16</sup> 1998/0025940 (1934), Undang-undang Baitul Mal Jabatan Agama Johor Bil. 18, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia; 2001/0013637 (1933), Panduan di dalam Pekerjaan Pegawai-pegawai Agama Johor iaitu Pergunaan bagi menjalankan kerja nikah, cerai, rujuk bagi Kadi-Kadi dan Naib Kadi (Jurunikhah) Imam-imam Jumaat dan Pemeriksa Agama, Pengajar-pengajar Agama dan lainnya di dalam Jajahan Johor, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia; 2001/0013644 (1941), Jabatan Agama Johor: Perhimpunan Pekeliling-pekeliling yang berkenaan dengan Aturan Kerja-Kerja Pegawai Masjid Kerajaan Johor, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>17</sup> Kassim Thukiman (2014), *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 124.

<sup>18</sup> Perpustakaan Negara Malaysia (2013), *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965; Old Treaties & Documents of Malaysia, 1791-1965*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, h. 31; 49.

<sup>19</sup> Charles Donald Cowan (1961), *Nineteenth century Malaya: The Origins of British Political Control*, London: Oxford University Press, h. 5.

<sup>20</sup> FO 93/46/17 (1824), Treaty, Territorial Arrangements and Commerce, East Indies [Anglo-Dutch Treaty- or the treaty of London], 17 Mac 1824, London: The National Archives.

<sup>21</sup> FO 93/46/17 (1824), Treaty, Territorial Arrangements and Commerce, East Indies [Anglo-Dutch Treaty- or the treaty of London], 17 Mac 1824, London: The National Archives.

<sup>22</sup> Azlizan Mat Enh dan Siti Alwaliyah Mansor (2019), “Establishment of Penang Prison under British in Malaya,” *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, Jil. 16, Bil. 6, h. 9.

Pada 11 Mei tahun 1914, Sir Douglas Campbell telah dilantik sebagai Penasihat Am British yang menandakan Kerajaan Johor telah berada dalam penguasaan British.<sup>23</sup> Sebagai permulaan, British telah menggunakan instrumen undang-undang untuk menguasai hal ehwal politik di Johor. Kewujudan dokumen *Johore Enactment 1910-1914* yang setebal 599 halaman telah memperincikan perundangan tersebut dengan mencakupi undang-undang laluan keretapi, pengurusan tanah dan kawalan buruh. Hal ehwal Islam turut menerima campur tangan British khususnya dalam aspek wakaf (*The Wakaf Prohibition Enactment 1911*) dan perkara berkaitan perkahwinan masyarakat Islam (*Muhammadan Marriage and Divorce Registration 1914*).<sup>24</sup> Kehadiran British juga telah menyebabkan perdagangan barang yang terlarang di sisi Islam semakin diperluas khususnya dalam perniagaan arak serta candu. Hal ini dibuktikan dengan wujudnya Undang-undang Cukai Arak Bil. 4 dan Undang-undang Opium dan Candu Bil. 19 yang ditulis dalam Bahasa Melayu bertulisan jawi pada 1915 dan 1919.<sup>25</sup> Di luar daripada kerangka perundangan tersebut, ia memberi gambaran jelas bahawa kehadiran British di Johor semakin memperluaskan perkara-perkara yang mengancam kepentingan sosial dan agama.

Dalam konteks ekonomi, imperialisme British turut menjadikan Johor sebagai sebahagian daripada perolehan keuntungan menerusi kawalan kewangan ke atas negeri terbabit. Sebaik sahaja Penasihat Am British dilantik, pihaknya telah mengkritik struktur pentadbiran sultan dalam isu pengurusan kewangan dan mula mengembangkan pengaruh dalam pembangunan modal serta penguasaan ke atas pentadbiran kewangan Kerajaan Johor.<sup>26</sup> Perkara ini terbukti menerusi jumlah pengeksploitasi hasil tanah Johor bagi kepentingan pentadbiran di London seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Meskipun Johor tidak mempunyai hasil bumi khususnya bijih timah seperti Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), tetapi perolehan hasil tersebut turut menguntungkan imperialis British bagi menjayakan cita-cita penjajahannya yang seterusnya berlanjutan sehingga berlakunya pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

**Jadual 1: Perolehan Hasil Tanah di Johor bagi tahun 1914 dan 1915**

	<b>1914</b>	<b>1915</b>
<b>Sewa:</b>		
<b>Sewa tanah (berulang dan tunggakan)</b>	\$191,358	\$223,585
<b>Sewa tanah (lesen tahunan)</b>	8,128	3,400
<b>Sewa perlombongan</b>	1,447	4,291
<b>Sewa ladang kerajaan</b>	128	216
<b>Lesen:</b>		
<b>Hasil hutan</b>	27,333	25,005
<b>Kerikil, batu, dll.</b>	6,271	7,273
<b>Mencari gali</b>	1,350	7,790
<b>Yuran:</b>		
<b>Tinjauan dan Penandaan</b>	24,533	33,151
<b>Notis</b>	118	640
<b>Pendaftaran hak milik</b>	4,613	7,266
<b>Penjualan pelan</b>	582	811
<b>Pelbagai</b>	6,948	2,237
	<b>\$272,809</b>	<b>\$315,665</b>

Sumber: disesuaikan dari 2014/0004856 (1915), *The Annual Report of the General Adviser to the Government of Johor for the year 1915*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

Dari segi peluasan imperialisme idea pula, perkara berkenaan telah disalurkan oleh pentadbir British di Johor melalui institusi pendidikan. Pentadbir British misalnya telah menawarkan kandungan pelajaran yang tidak terkait dengan hal ehwal agama Islam tetapi lebih kepada aktiviti fizikal serta kemahiran.<sup>27</sup> Pendidikan yang diajar beroreintasikan soal keduniaan melalui perkara teknikal seperti pertukangan, perkebunan, kesenian, sukan, muzik dan ilmu memasak.<sup>28</sup> Secara lahiriahnya, pengisian pendidikan ini

<sup>23</sup> Ahmad Fawzi Basri (1988), *Johor 1855–1917: Pentadbiran dan perkembangannya*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 63.

<sup>24</sup> 2016/0051296, No. 04729 (1914), *Johore Enactments 1910-1914*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>25</sup> 2006/0050871 (1915), Undang-Undang Cukai Arak Bil. 4 1915, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia; 2006/0050917 (1919), Undang-Undang Opium & Candu, Bil. 19, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>26</sup> Ichiro Sugimoto (2011), *Pentadbiran Kewangan Kolonial di Johor*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 15.

<sup>27</sup> 2006/0051393 (1931), *Johor Annual Report 1931*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>28</sup> 2006/0051393 (1931), *Johor Annual Report 1931*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

tampak baik untuk kegiatan fizikal para murid namun dalam jangka masa panjang, pengisian tersebut menyebabkan tumpuan pelajar semakin berkurangan dari mengikuti pendidikan berkaitan Islam. Tambahan pula, penggunaan tulisan jawi turut diasingkan hanya untuk kegunaan di sekolah-sekolah agama semata-mata dan bukannya untuk sekolah-sekolah di aliran perdana. Johor juga terdedah dengan peluasan ajaran Kristian sejak 1860-an di Pontian Kechil dan Pekan Nenas. Gereja pertama Katolik dengan nama *Chapel of Our Lady of Louders* telah dibina di Johor Bahru pada 1883 bahkan pengikut Kristian telah mencapai 800 orang dengan 5 orang paderi dan lebih daripada 30 mubaligh aktif di merata-rata kawasan menjelang bulan November 1921.<sup>29</sup> Dalam hal ini, keberadaan pentadbir British tidak menghalang penyebaran Kristian Katolik ini lalu pentadbir Islam di Johor serta masyarakat Islam perlu memainkan peranan sendiri untuk membendung penyebaran agama Kristian dalam Kerajaan Johor.

## **Kegiatan Ilmu Pemgetahuan Berasaskan Islam**

### **Peranan Kerajaan - Institusi Pendidikan**

Peluasan kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam telah digerakkan oleh dua institusi iaitu Jabatan Agama Johor (JAJ) dan sekolah agama Johor. Seperti keterangan sebelum ini, kedua-dua institusi ini merupakan antara pengisian pemodenan di Johor yang berkesinambungan dari era pemerintahan Maharaja Abu Bakar dan Sir Sultan Ibrahim. Hal ini demikian kerana, Sultan Ibrahim sendiri turut berpengalaman dalam menyaksikan pemodenan di negara-negara Barat khususnya apabila baginda melakukan pelayaran ke Eropah.<sup>30</sup> Idea-idea pemodenan ini tidak tergugat meskipun imperialis British telah bertapak di Johor menjelang pertengahan tahun 1914 sehingga Perang Pasifik tercetus. Secara tidak langsung, kewujudan institusi pendidikan formal telah menambah baik proses pembelajaran di Johor berbanding dengan pendekatan bersifat tradisional sebelumnya seperti pendidikan di masjid, surau, rumah tuan guru atau imam.<sup>31</sup> Bagi JAJ, institusi ini telah ditubuhkan secara sistematik seiring dengan perwartaan UTKJ 1895. Jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Agama Johor lalu ditukar nama sebagai Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) mulai bulan Julai 1960.<sup>32</sup> Pentadbiran sistematik boleh terlihat menerusi struktur pentadbiran di bawah pimpinan Yang Dipertua Jabatan Agama dan Setiausaha Jabatan Agama dengan tanggungjawab ke atas hal ehwal pentadbiran seperti Pejabat Kadi Besar dan Pejabat Mufti.<sup>33</sup> Yang Dipertua Jabatan Agama menggalas tanggungjawab besar kerana segala permasalahan yang timbul perlu dirujuk kepada beliau sama ada untuk mendapatkan penyelesaian daripada beliau sendiri atau diajukan kepada saluran lain.

Selain itu, JAJ bertanggungjawab dalam mengawal undang-undang berkaitan agama dalam soal akhlak serta perilaku masyarakat Islam. Urusan perundungan terbabit bermula apabila digubal Undang-undang Kesalahan Orang-orang Islam bilangan (25) Tahun 1919 sebelum dibuat pindaan pada tahun 1939 dan 1942.<sup>34</sup> Tindakan sedemikian adalah penting untuk mendisiplinkan masyarakat yang ketika itu terdedah dengan masalah sosial seperti bersekedudukan antara lelaki dengan perempuan serta kes pelacuran di Johor.<sup>35</sup> Usaha-usaha seumpama ini dilakukan oleh pihak JAJ bagi mendisiplinkan masyarakat agar keharmonian pada masa itu dapat terus dipertahankan dalam tempoh peluasan imperialism British.

Untuk kegiatan pendidikan melalui sekolah-sekolah misalnya, sebanyak 74 buah sekolah terus beroperasi pada tahun pertama penjajahan British ke atas Kerajaan Johor.<sup>36</sup> Daripada jumlah itu, terdapat 14 buah sekolah agama (istilah diberikan oleh British ialah *Koran School*) dengan 10 buah sekolah agama lelaki dan 3 buah untuk perempuan. Dalam laporan pada tahun 1917 pula, sebuah

<sup>29</sup> 2002/0018555 (1983), Church of The Immaculate Conception Johor Bahru Souvenir Magazine, 1883-1983, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>30</sup> Fasal Keempat Belas, Perihal Yang Maha Mulia Berangkat ke Negeri Asing dan Beroleh Bintang-bintang Kebesaran. Dlm, 2007/0038341, SP 202/8/01 (1911), Hikayat Johor Yang Pertama: Menceritakan Kerajaan Johor dari 1818 hingga 1895 oleh Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, Kapten, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>31</sup> Arbai'yah Mohd Noor (2021), Pendidikan Melayu dan Agama di Johor Bahru, 1857-1957. *Peradaban*, Jil. 14, Bil. 1, h. 19.

<sup>32</sup> Fadilah Zaini dan Kamaruzzaman Yusoff (2016), *Sejarah Awal Pentadbiran Agama Islam*, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 26.

<sup>33</sup> Fadilah Zaini dan Kamaruzzaman Yusoff (2016), *Sejarah Awal Pentadbiran Agama Islam*, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 26.

<sup>34</sup> J/UG7 91/48 (1939), Undang-undang Kawalan Orang-orang Islam tahun 1939, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor; J/UG7 63/02 (1942), Menghaluskan Semula Rang Undang-undang Kawalan Orang Islam Johor, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>35</sup> Mahani Musa (2020), "Pelacuran dan Isu Bersekedudukan dalam Kalangan Wanita Melayu di Johor 1930-an-1950-an," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Jil. 47, Bil. 2, h. 50.

<sup>36</sup> 2014/0004856 (1915), The Annual Report of the General Adviser to the Government of Johor for the year 1915, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

sekolah agama lelaki telah ditambah oleh pentadbiran Kerajaan Johor seiring dengan keperluan semasa yang berkait dengan usaha oleh pihak pemerintah dan permintaan masyarakat seperti dalam keterangan selepas ini.<sup>37</sup> Bagi tahun berikutnya, jumlah sekolah yang dibuka telah bertambah seiring kadar peningkatan pendaftaran para murid seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Perincian Sekolah di Johor Tahun 1918**

-	Bilangan sekolah	Kakitangan	Pendaftaran	Purata Kehadiran
<b>Sekolah Vernakular Lelaki</b>	65	100	3807	2764
<b>Sekolah Vernakular Perempuan</b>	5	6	158	104
<b>Sekolah Agama Lelaki</b>	12	16	526	355
<b>Sekolah Agama Perempuan</b>	3	3	92	60

Sumber: dissesuaikan dari 2007/0005635 (1918), Johor Annual Report 1918, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

Dengan itu, sekolah-sekolah agama ini kemudiannya telah menjadi pemangkin kepada penerapan ilmu pengetahuan berteraskan Islam. Sebagai pengisian dalam pendidikan sekolah agama Johor, karya-karya yang telah diterjemahkan dan dihasilkan turut dimuatkan sebagai sukanan pelajaran. Kitab *Matla 'il Badrin* dan kitab *Majalah Ahkam Johor* telah digunakan dalam darjah enam untuk sekolah agama kanak-kanak lelaki manakala kitab Adab Perempuan Pertama dan Permulaan Kedua telah digunakan untuk murid-murid perempuan Darjah Tiga.<sup>38</sup> Kegiatan ilmu pengetahuan berteraskan Islam di Johor ketika itu sememangnya mempunyai kaitan antara satu sama lain melalui aspek penghasilan karya dengan tempat untuk digunakan karya berkenaan. Dengan itu, setiap kegiatan ilmu pengetahuan berkenaan tidak terpisah bahkan manfaatnya turut diterima oleh masyarakat dalam Kerajaan Johor ketika itu.

Dalam hal ini, JAJ dan sekolah agama telah bersatu menjadi medium yang membolehkan kandungan karya-karya berkenaan disampaikan khususnya kepada murid-murid. Hubungan saling berkait antara JAJ dengan sekolah agama juga diperkuuhkan menerusi pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan pendidikan ketika itu. Buktinya, Jawatankuasa Mesyuarat Pelajaran Johor yang diketuai oleh Pengerusinya telah berperanan dalam membincangkan dasar bagi menentukan hala tuju pendidikan agama Islam.<sup>39</sup> Manakala dari segi pentadbiran, Kerajaan Negeri Johor telah mewujudkan jawatan Pemeriksa Sekolah-Sekolah Agama Johor yang dibantu oleh Penolong Pemeriksa Sekolah Agama Johor Selatan. Hal ini diperkuuhkan menerusi kenyataan dalam Peraturan Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor pada tahun 1936:

Adalah sekolah-sekolah agama kerajaan dalam Johor dan daerahnya diadakan kerana tempat pelajaran agama Islam maka jawatankuasa pegawai dan guru-guru yang menjalankan ajarannya di bawah tadbir yang dipertua jabatan agama dan ahli-ahli jawatankuasa pelajaran agama Johor dan segala yang berkenaan dengan tadbir menjalankan kerja-kerja dan gaji dikelolakan oleh pemeriksa sekolah di bawah jagaan tuan pengawas pelajaran. Maka adalah pegawai dan guru-guru itu ialah pemeriksa seguru pasukan, seguru besar dan guru penolong dengan kerjanya bersusun seperti dibutirkkan di dalam aturannya ini...<sup>40</sup>

Dalam situasi ini, keberadaan kedua-dua institusi berkenaan baik JAJ mahupun sekolah agama sememangnya telah mempergiat kegiatan ilmu pengetahuan menerusi saluran pendidikan. Peranan institusi-institusi ini juga telah mencorakkan penyampaian maklumat di samping menghidupkan kesedaran pentingnya ilmu untuk masyarakat dalam Kerajaan Johor. Persoalannya di sini, bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap usaha oleh kedua-dua institusi terbabit? Apakah reaksi JAJ dan institusi sekolah agama ke atas perkara tersebut? Dalam hal ini, penerimaan masyarakat di Johor ketika itu lebih positif dan lebih signifikan apabila ia turut membabitkan masyarakat dari kawasan

<sup>37</sup> 2007/0005634 (1917), Johor Annual Report 1917, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>38</sup> J/UG 7 8/33 (1933), Sukatan Pelajaran Sekolah Agama Johor, 1933, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>39</sup> JKAD2 73/34 (1934), Rang Keputusan Mesyuarat Pelajaran Agama yang telah diadakan pukul 11 pagi 6 Februari 1934 di Pejabat Agama Johor, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor.

<sup>40</sup> J/UG 7 164/36 (1936), Mengadakan Aturan yang dinamakan Peraturan Sekolah-sekolah Ugama Johor iaitu mengandungi pekerjaan murid-murid, guru-guru dll 28.3.36, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

pedalaman. Kenyataan ini bukanlah satu retorik, tetapi ia terbukti berdasarkan catatan dokumen Majlis Ugama tentang kedudukan pelajaran agama bagi murid perempuan dan lelaki supaya kedua-duanya memperoleh didikan di Sekolah Agama Johor.<sup>41</sup>

Sambutan daripada masyarakat di Johor terhadap kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam turut terbukti melalui peningkatan pendaftaran murid-murid lelaki dan perempuan ke sekolah agama ketika itu. Dalam laporan pada tahun 1930, dicatatkan seramai 2898 kanak-kanak lelaki dan 268 kanak-kanak perempuan telah mendaftar sebagai murid untuk memperoleh pendidikan secara rasmi di peringkat sekolah agama.<sup>42</sup> Hal ini membuktikan bahawa pihak ibu bapa semakin memiliki kesedaran tentang kepentingan ilmu agama kepada anak-anak mereka. Di pihak penduduk kampung pula, mereka telah menyuarakan keinginan untuk diperluaskan pendidikan ibadat berasaskan Mahzab Imam Syafie.<sup>43</sup> Keadaan ini memperlihatkan realiti masyarakat ketika itu yang mahukan ilmu pengetahuan tatkala imperialisme idea oleh British semakin meluas di Johor. Hal ini turut berlaku dalam bentuk kerjasama sesama masyarakat bagi bergotong-royong untuk membina sekolah agama di samping tempat solat (surau) untuk kegunaan para murid. Untuk menyatukan masyarakat, urusan pentadbiran masjid sebagai pusat ilmu turut diperkemas dari segi tatakelola, struktur jawatan dan aktiviti-aktiviti keagamaan.<sup>44</sup>

Tidak terhad setakat itu, penerimaan oleh masyarakat turut terbukti apabila mereka semakin aktif mengemukakan permintaan berkaitan pendidikan. Bukinya, permintaan untuk pendidikan golongan perempuan turut bertambah sehingga bahagian pendidikan JAJ bertindak dengan menghantar tenaga pengajar ke kawasan kampung.<sup>45</sup> Terdapat peruntukan daripada Baitulmal Johor untuk dijadikan sebagai bayaran kepada mereka yang mendidik golongan perempuan.<sup>46</sup> Bagi memastikan urusan Baitulmal yang terkait dengan kegiatan kebajikan masyarakat, undang-undang berkaitan institusi terbabit telah dikemaskini pada tahun 1934 melalui perkenan oleh Sultan Ibrahim.<sup>47</sup> Dalam pada itu, permintaan masyarakat untuk mendapatkan naskhah *Majalah Ahkam Johor* juga bertambah apabila kitab fiqh itu telah dikesan menjadi buku rujukan utama bagi undang-undang Islam pada tahun 1933.<sup>48</sup> Perkara-perkara seumpama ini kemudiannya telah mengukuhkan kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam dalam Kerajaan Johor.

Dalam hal ini, kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam ternyata masih mendapat tempat meskipun imperialisme British dari tahun 1914 hingga 1941 semakin meluas. Lebih signifikan apabila perkara terbabit berlangsung secara rasmi menerusi institusi pendidikan yang diiktiraf iaitu peranan sekolah agama dan fungsi JAJ. Situasi ini dari satu sudut turut membuktikan bahawa elit Melayu di samping masyarakat awam dalam Kerajaan Johor berupaya untuk mengimbangi tekanan daripada penjajahan British ketika itu. Keadaan ini juga memperlihatkan tanggungjawab segenap kepimpinan Kerajaan Johor selain daripada sokongan rakyat bagi mempertahankan kedudukan Islam di Johor. Melalui Penyata Sekolah-sekolah Agama Johor dan Daerahnya 1939, terdapat 83 buah sekolah agama di Johor dengan jumlah 9849 murid lelaki dan 1568 murid perempuan.<sup>49</sup> Dalam jangka masa panjang, kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam di Johor ini terus relevan dan masih wujud khususnya institusi sekolah agama pada hari ini.<sup>50</sup>

<sup>41</sup> Majlis Ugama 5/33 (1933), Pelajaran Agama bagi anak-anak orang Islam report Pejabat Agama, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>42</sup> 2007/0005643 (1930), Johor Annual Report 1930, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>43</sup> J/SUK 1 SS 816/1929 (1929), Pesuruhjaya, Ketua-ketua Kampung bagi setiap-setiap daerah hendaklah menguatkan anak-anak Islam belajar Sekolah Agama, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>44</sup> 2001/0013644 (1941), Jabatan Agama Johor: Perhimpunan Pekeliling-pekeliling yang berkenaan dengan Aturan Kerja-Kerja Pegawai Masjid Kerajaan Johor, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>45</sup> Majlis Ugama 22/34 (1934), Minta bawakan rundingannya berkenaan pelajaran Ugama perempuan-perempuan yang di cerok-cerok supaya diberi tauliah kepada perempuan-perempuan oleh Kadhi Daerah, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>46</sup> J/UG 7 36/05 (1936), Berkenaan dengan Elaun Guru Kelas Ugama Perempuan Dibayar daripada Baitul Mal Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>47</sup> 1998/0025940 (1934), Undang-undang Baitul Mal Jabatan Agama Johor Bil. 18, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>48</sup> Abd. Jalil Borham (2002), *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan dan Komentar*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 112.

<sup>49</sup> 2006/0051703, SS 2883/40 (1939), Penyata Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>50</sup> Abdul Razak Ahmad dan Morshidi Sirat (2019), "Langkah Masa Hadapan untuk Negeri Johor," dalam Mohd Farid Mohd Sharif, Muhammad Zuhair Zainal dan Mohd Nizam Sahad (ed.), *Sekolah Agama & Pendidikan Islam Negeri Johor: Agenda Transformasi*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 130.

### Peranan Individu - Penulisan Ilmiah Berautoriti

Seterusnya, penghasilan karya ilmiah berautoriti turut diperluas kepada masyarakat bagi mengaktifkan kegiatan ilmu pengetahuan berdasarkan Islam di Johor. Golongan yang menjadi tumpuan untuk kegiatan ini terbahagi kepada dua pihak iaitu masyarakat awam yang berada di kawasan bandar atau perkampungan selain daripada golongan pelajar yang terdiri daripada murid lelaki dan murid perempuan. Usaha seumpama ini telah digerakkan oleh golongan pemerintah dalam Kerajaan Johor di samping peranan yang dimainkan oleh golongan yang berautoriti dalam bidang agama dan usaha-usaha oleh pihak persendirian. Tindakan ini memperlihatkan satu pelaksanaan tanggungjawab dari atas ke bawah dan sokongan pembangunan sosial dari bawah ke atas bagi memastikan budaya ilmu pengetahuan terus kukuh. Teras kepada kandungan ilmiah itu berkaitan dengan ilmu akidah, ibadat dan pendidikan adab seperti keterangan selepas ini.

Sekiranya diteliti keadaan semasa di Tanah Melayu pada waktu itu, usaha-usaha ke arah pembangunan dan seruan kemajuan ilmu pengetahuan sememangnya sedang hebat disuarakan dari bahagian Negeri-Negeri Selat ke negeri-negeri di Semenanjung. Gerakan ini telah diperluaskan oleh golongan *Kaum Muda* yang memperoleh pendidikan dari Timur Tengah, pendidikan India, pendidikan Inggeris dan pendidikan tempatan seperti Syed Sheikh Al-Hadi (1864-1934), Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1956), Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari (1904-1970), Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969), Maulana Abdullah bin Awang Noh (1905-1947), Zainal Abidin Ahmad (1895-1973) dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir (1909-1974).<sup>51</sup> Keadaan ini memperlihatkan bahawa Kerajaan Johor tidak ketinggalan dengan perkembangan semasa yang menuntut agar masyarakat menguasai ilmu pengetahuan. Hal ini seiringan dengan inisiatif yang digerakkan oleh individu seperti Kapten Haji Muhammad Said Haji Sulaiman.<sup>52</sup> Beliau telah menghasilkan *Hikayat Johor* bagi mengukuhkan jati diri masyarakat Johor dengan penghayatan terhadap sejarah negeri dan keberadaan agama Islam.

Segalanya berlaku dengan begitu sistematik biarpun tempoh dari tahun 1914 hingga 1941 telah menyaksikan pihak British semakin mengukuhkan imperialismenya dalam Kerajaan Johor. Pelbagai kegiatan yang berlandaskan “budaya kuning” misalnya semakin berleluasa kesan daripada nilai pembaratan yang dibawa oleh imperialis tersebut seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan selain kepesatan kegiatan hiburan.<sup>53</sup> Dari segi kepercayaan pula, pengaruh ajaran Kristian semakin mendapat tempat melalui pertumbuhan gereja-gereja seperti *Immaculate Conception Church Johor Bahru 1921*, *Church of St. Louis Kluang 1928*, *Church of St. Theresa Masai 1939*, dan *Chapel of St. John Senai 1940*.<sup>54</sup> Keberadaan gereja-gereja Katolik ini telah membawa kegiatan pembaptisan yang konsisten mengikut tahun seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Senarai Pembaptisan dan Perkahwinan Mengikut Ajaran Kristian Katolik di Johor dari 1914-1941**

Tahun	Pembaptisan			Perkahwinan
	Kanak-Kanak	Dewasa	Jumlah	
1914-1919	221	157	378	46
1920-1925	274	111	385	59
1926-1930	534	163	697	85
1931-1935	625	116	741	101
1936-1941	885	107	992	132

Sumber: disesuaikan dari 2002/0018555 (1983), *Church of The Immaculate Conception Johor Bahru Souvenir Magazine, 1883-1983*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

Jadual 3 di atas memperlihatkan begitu aktifnya kegiatan penyebaran agama Kristian di Johor biarpun tidak dinyatakan bangsa dan kelompok masyarakat yang dijadikan sasaran. Pertumbuhan ini berlaku turut disebabkan oleh kegiatan kemasyarakatan yang digerakkan oleh paderi dan gereja melalui

<sup>51</sup> Kamarul Afendey Hamimi (2018), “Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1906-1957,” Tesis Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 54.

<sup>52</sup> 2007/0038341, SP 202/8/01 (1911), *Hikayat Johor yang Pertama, Menceritakan Kerajaan Johor Lama dari 1818 hingga 1895*, oleh Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, Kapten, 7 September 1911, Johor Bahru, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>53</sup> Muhammad Izuan Abdul Rahman (2014), “Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Memperjuangkan Identiti dan Kedaulatan Johor, 1862-1957,” Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, h. 180.

<sup>54</sup> 2002/0018555 (1983), *Church of The Immaculate Conception Johor Bahru Souvenir Magazine, 1883-1983*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

penyediaan rumah kebajikan anak yatim serta pembinaan sekolah seperti Convent sekitar 1920-an.<sup>55</sup> Meskipun perkara berkenaan bukan dibuat oleh para pentadbir British, tetapi perkembangan aktif tersebut berlangsung pesat selepas ketibaan penjajah berkenaan sehingga tercetusnya Perang Pasifik pada 1941. Untuk itu, kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam cuba untuk diperkuuhkan oleh pembesar dan masyarakat Melayu secara tersusun sama ada dasar daripada pihak pemerintah maupun gerakan ilmu pengetahuan dari bawah dengan cara seperti berikut:

- i. Penterjemahan karya berasaskan Islam ke dalam Bahasa Melayu.
- ii. Galakan agar diperluas penghasilan bahan bercetak berbentuk akhbar dan majalah.
- iii. Memberi ruang dan peluang bagi mengetengahkan karya perseorangan yang berteraskan Islam.

Bagi kegiatan ilmu pengetahuan yang diperluas dengan usaha penterjemahan sesebuah karya, ia telah bermula dengan membabitkan penterjemahan *Risalah Al-Tauhid* pada 1907 dan *Majalah Ahkam Johor* pada 1913. *Risalah Al-Tauhid* ini diterjemahkan oleh Yang Dipertua Agama Johor, Dato' Haji Abdullah bin Abdul Rahman berdasarkan kitab berbahasa Arab dari Mesir yang kemudiannya dilengkapkan dengan syarahnya pada 1926 bagi dijadikan rujukan oleh murid-murid sekolah agama.<sup>56</sup> Usaha sebegini diperbuat bagi memperluaskan bahan bacaan berkaitan ilmu tauhid supaya dapat dijadikan panduan oleh masyarakat tatkala peluasan ajaran Kristian semakin mendapat tempat di Johor ketika itu. Antara petikan dalam kitab tersebut yang menekankan perihal ilmu tauhid adalah seperti berikut:

1. Nama ‘ilmu ini: iaitu dinamakan ‘Ilmu Tauhid, ‘Ilmu Kalam, ‘Ilmu Ushuluddin, ‘Ilmu Sifat, ‘Ilmu ‘Aqidah dan Al-Iman.
2. Tempat ambilannya - iaitu diterbitkan daripada Qur'an dan Hadith.
3. Kandungannya - iaitu mengandungi pengetahuan dari hal membahaskan ketetapan pegangan, kepercayaan kepada Tuhan dan kepada Rasul-RasulNya daripada beberapa simpulan atau ikatan kepercayaan dengan segala dalil-dalil supaya diperoleh i’tiqad yang yakin, kepercayaan yang putus sekira-kira menaikkan perasaan bekerja dan ber’amal menurut bagaimana kepercayaan itu.<sup>57</sup>

Penegasan dalam Kitab *Risalah Al-Tauhid* itu dengan jelas mengetengahkan kandungan utama iaitu keyakinan kepada Allah dengan berlandaskan Al-Quran dan Hadis bagi membina i’tiqad dalam kalangan masyarakat. Inisiatif Yang Dipertua Agama Johor adalah relevan untuk konteks semasa kerana sekitar 1920-an hingga 1930-an, ajaran Kristian semakin diperluas dengan peranan besar daripada paderi seperti Fr. Henri Duvelle (1916-1936) dan Fr. Joseph Lee (1936-1948).<sup>58</sup>

Selain itu, kegiatan penterjemahan karya-karya Islam berautoriti turut dilakukan ke atas bahan ilmiah yang berkaitan dengan persoalan tauhid dan hak-hak golongan perempuan. Mengenai ilmu tauhid, kitab *Matla’il Badrin* telah diterjemahkan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu selepas keputusan mesyuarat oleh Jabatan Agama Islam Johor semasa perkhidmatan mufti Kerajaan Johor yang keempat iaitu Sayyid Alwi bin Tahir Al-Haddad (1934-1961).<sup>59</sup> Kandungan kitab ini antaranya disebutkan pada bahagian mukadimah iaitu:

...bahawasanya kami himpulkan di dalam kitab yang kecil ini beberapa perkara iaitu kami sebutkan padanya beberapa hadis Nabi SAW pada menyatakan kelebihan ilmu dan rukun Islam dan iman dan ilmu tauhid dan fiqh.<sup>60</sup>

Bukti-bukti berkenaan telah menunjukkan bahawa pihak yang berautoriti dalam agama Islam di Johor tidak berdiam diri dalam mendepani peluasan ajaran Kristian pada era imperialism British. Usaha seumpama ini kemudiannya dilanjutkan pula dalam bidang fiqh khususnya dalam isu muamalat melalui

<sup>55</sup> 2002/0018555 (1983), Church of The Immaculate Conception Johor Bahru Souvenir Magazine, 1883-1983, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>56</sup> 2003/0008708 (1952), Risalah Al-Tauhid (pnys. Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusuf), Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>57</sup> 2003/0008708 (1952), Risalah Al-Tauhid (pnys. Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusuf), Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>58</sup> 2002/0018555 (1983), Church of The Immaculate Conception Johor Bahru Souvenir Magazine, 1883-1983, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>59</sup> J/UUG 7 149/35 (1935), Rundingan bagi Ajinda mesyuarat Pelajaran Ugama pada 6.4.34, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>60</sup> Al-Abdu Al-Faqir Al-Faani Muhammad bin Ismail Daud Fatani (2020), *Matla’Al-Badrain Wa Majma’Al-Bahrain*, Batu Caves: Al-Hidayah House House of Publishers Sdn. Bhd., h. 3.

terjemahan *Majalah Ahkam Johor*. Kerja-kerja tersebut telah diselesaikan semasa pentadbiran mufti kedua Kerajaan Johor, Dato' Syed Abdul Qadir Mohsin al-Attas (1909-1933) melalui cetakan oleh *Matba' Khairiyyah* di Muar, Johor.<sup>61</sup> *Majalah Ahkam Johor* ini merupakan terjemahan dari kitab undang-undang berdasarkan Mahzab Hanafi yang terkandung padanya 1851 artikel berkaitan hukum fiqh sebelum ia disesuaikan dengan Mahzab Syafie di Johor.<sup>62</sup> Naskhah asal kitab ini telah diperoleh dari Kerajaan Uthmaniyyah di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid II semasa kunjungan Maharaja Abu Bakar pada penghujung kurun ke-19. Kandungan *Majalah Ahkam Johor* ini termasuklah soal muamalat dalam aspek akad jual beli, harga, upah dan gaji serta hal ehwal berkaitan sewa.<sup>63</sup> Antara kenyataan mengenai terjemahan ini menurut mufti Syed Abdul Qadir adalah:

Adalah kitab ini mengandungi dalamnya bicara hukum-hukum fiqh yang diterbitkan daripada syariat Islam yang telah dipakai dalam Kerajaan Johor selama-lamanya dengan bahasa Arab yang demikian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu supaya menjadikan lebih senang mengerti dan mengambil fahamnya. Bahawasanya dengan persetujuan pegawai-pegawai yang terutama bagi Jabatan Agama dan yang berkenaanannya dan setelah disahkan terjemahannya maka dipersembahkan kepada maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Yang Dipertuan Johor.<sup>64</sup>

Untuk karya berkaitan dengan hak golongan perempuan, Abdu'llah 'Abdu'r-Rahman Al-Johori telah menterjemahkan karya oleh Rashid Rida yang bertajuk *Nida' ila al-Jins al-Latif* ke dalam bahasa Melayu dengan tajuk *Risalah Seruan Kepada Jenis yang Lembut-Perempuan-Perempuan*.<sup>65</sup> Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan ilmu pengetahuan berdasarkan Islam di Johor semakin kukuh dan diperluas seiring dengan tuntutan semasa. Syed Sheikh Al-Hadi juga telah menyeru penggunaan akal kurniaan Allah dengan sebaiknya bagi memahami kejadian alam di samping gesaan agar golongan perempuan mendapat pendidikan dalam konteks keperluan bangsa Melayu di setiap negeri.<sup>66</sup>

Pada masa yang sama, kegiatan ilmu pengetahuan berdasarkan Islam dalam Kerajaan Johor turut disumbangkan oleh perkembangan aktiviti percetakan. Hal ini membabitkan penerbitan akhbar dan majalah sekitar tahun 1900 hingga 1941. Antara majalah dan akhbar yang menekankan soal ilmu pengetahuan tersebut termasuklah majalah *Masa* (1924), *Jasa* (1927-1931), *Al-Johoriah* (1932), *Bulan Melayu* (1930-1941), majalah *Neraca* (1934) dan majalah *Idaman* (1940-1941).<sup>67</sup> Perkembangan ini turut mencakupi usaha-usaha bagi memperbetul akhlak dan moral masyarakat selain daripada tuntutan agar ilmu pengetahuan dikuasai tidak kira sama ada individu lelaki maupun perempuan. Akhbar dan majalah ini telah diusahakan oleh golongan para guru di samping mereka yang berlatar belakangkan orang Arab Hadrami yang telah bertapak di Johor ketika itu.<sup>68</sup> Tidak terhad setakat itu, barisan mufti Kerajaan Johor turut memainkan peranan dalam menyemak atau meletakkan kandungan dalam majalah dan akhbar supaya ia selari dengan prinsip dalam Islam.<sup>69</sup>

Sekitar tahun 1920 hingga 1930-an, muncul individu secara persendirian yang turut menyumbang kepada kegiatan ilmu pengetahuan di Johor iaitu Ahmad bin Ya'qub Al-Johori. Beliau merupakan individu yang berkhidmat sebagai guru sekolah agama di Johor dari tahun 1920-an hingga awal 1950-an. Al-Johori sendiri telah menghasilkan dua karya berkaitan dengan adab iaitu *Kitab Adab Perempuan-Juzu' Yang Pertama* (1935) dan *Kitab Adab Perempuan - Juzu' Kedua* (t.t.).<sup>70</sup> Penghasilan dua buah kitab ini kemudiannya telah mendapat tempat sebagai bahan rujukan sekolah agama mengikut peringkat umur. Keadaan tersebut membolehkan penyaluran ilmu dan informasi kepada golongan perempuan

<sup>61</sup> JUG X (1913), *Majalah Ahkam Johor*, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>62</sup> Mohd Hafiz Othman, Ermy Azziaty Rozali dan Napisah Karimah Ismail (2021), "Majalah Ahkam Johor: Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Johor pada Akhir Abad ke 19," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 16, Bil. 2, h. 2.

<sup>63</sup> JUG X (1913), *Majalah Ahkam Johor*, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>64</sup> JUG X (1913), *Majalah Ahkam Johor*, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

<sup>65</sup> Abdu'llah 'Abdu'r-Rahman Al-Johori (2017), *Risalah Seruan kepada Jenis Yang Lembut Perempuan-Perempuan*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

<sup>66</sup> Syed Sheikh Al-Hadi (2017), *Ugama Islam dan Akal*, Kuala Lumpur: Malaha Press, h. 9; Al-Sayyid Shaykh al-Hadi (2019), *Kitab Alam Perempuan*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, h. 120.

<sup>67</sup> Siti Zahrah Mahfood (2018), "Kedudukan Politik dan Sosioekonomi Masyarakat Melayu dalam Akhbar dan Majalah Terbitan Negeri Johor Sebelum Perang Dunia Kedua Kedua," Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, h. 8.

<sup>68</sup> Nurul Wahidah Fauzi (2012), "Ulama Arab Hadrami dalam Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir bin Muhsin al-Attas dan Syed 'Alwi b. Tahir al-Haddad," Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.

<sup>69</sup> Siti Zahrah Mahfood (2018), "Kedudukan Politik dan Sosioekonomi Masyarakat Melayu dalam Akhbar dan Majalah Terbitan Negeri Johor Sebelum Perang Dunia Kedua Kedua," Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, h. 112.

<sup>70</sup> Ahmad bin Ya'qub Al-Johori (2017), *Kitab Adab Perempuan*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia; Ahmad bin Ya'qub Al-Johori (2018), *Kitab Adab Perempuan Juzu' Yang Pertama*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

tentang hak mereka untuk memperoleh Pendidikan.<sup>71</sup> Setidak-setidaknya perkara ini dapat memecahkan kepompong kejumidan dalam sebahagian masyarakat yang mendakwa golongan perempuan hanya perlu duduk di rumah bagi menguruskan hal ehwal rumah tangga. Kandungan dalam kedua-dua kitab ini turut mencakupi soal pengurusan diri, sains pemakanan dan ilmu berkaitan kemasyarakatan yang bermanfaat untuk masyarakat.

Dalam hal ini, Al-Johori ternyata telah menghasilkan penulisan yang amat diperlukan bagi membangunkan nilai adab pada diri setiap perempuan. Kandungan kitab seperti yang terkandung dalam naskhah *Kitab Adab Perempuan- Juzu' Yang Pertama* dan *Kitab Adab Perempuan - Juzu' Kedua* jelas membuktikan bahawa Al-Johori sememangnya mempunyai kesedaran untuk mengangkat kedudukan golongan perempuan supaya turut sama memperoleh ilmu pengetahuan. Kesemua aspek yang telah diperuntukkan untuk perbincangan oleh beliau ternyata tidak terhad kepada ilmu menguruskan rumah tangga, sebaliknya ia turut membabitkan maklumat bagi golongan perempuan supaya hidup bermasyarakat. Hal ini seiringan dengan perkembangan sekitar tahun 1910-an sehingga 1930-an yang telah menyaksikan munculnya penerbitan majalah seperti *Bulan Melayu* untuk menyalurkan pengetahuan di samping nasihat kepada golongan perempuan itu sendiri. Paling signifikan apabila perkara-perkara berkenaan tetap selari bahkan turut mengandungi ilmu pengetahuan berasaskan Islam yang begitu diperlukan dalam kalangan masyarakat di Johor semasa imperialisme British.

Perkara ini telah mendapat tempat di Johor yang menandakan percambahan maklumat mengenai pembangunan Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi. Jika diperhatikan dalam konteks sezaman, Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) telah membuat pendekatan yang sama pada tahun 1934 dengan tindakan menulis kitab bertajuk *Ilmu Mengarang Melayu* bagi pergunaan guru-guru di Sekolah Melayu dan penuntut-penuntut di Kolej dengan cetakan pertamanya dalam tulisan jawi.<sup>72</sup> Usaha dari Kerajaan Johor ini tidak asing kerana usaha seumpama ini pernah dibuat di kepulauan Melayu oleh Raja Ali Haji melalui karyanya, *Bustan Al-Katibin* sekitar kurun ke-19.

Selain itu, Bahasa Melayu yang digunakan secara meluas dalam tulisan jawi turut dibangunkan dengan pengisian ilmiah. Maklumat-maklumat seperti sejarah dan hasil kesusasteraan telah diperluas sekitar 1930-an. Syed Ahmad bin Sheikh Abu Bakar telah menulis perihal sejarah Eropah dengan tumpuan terhadap Beneto Mussolini yang merupakan pemimpin Itali dengan ideologi fasisme.<sup>73</sup> Hasil kesusasteraan seperti *Syair Johor* yang menerangkan kegemilangan negeri turut tersedia dalam Bahasa Melayu.<sup>74</sup> Tidak menghairankan kerana usaha-usaha pemantapan dan pembangunan Bahasa Melayu dengan Tulisan Jawi ini telah dilaksanakan sejak 1888 oleh Dato' Abdul Rahman bin Andak (Dato' Seri Amar Diraja).<sup>75</sup> Pada 1935, dasar pembangunan Bahasa Melayu di Johor terus diperkuuh bahkan telah menerima perkenan daripada Sultan Ibrahim dengan kenyataan berikut:

Bahawasanya adalah kita telah menerima suatu perucapan daripada yang dipercayai iaitu Dato' Abdullah bin Abdul Rahman, Mejar Muhammad Said bin Haji Sulaiman dan Dato' Awang bin 'Omar yang mereka itu telah membangkitkan semula pakatan yang dinamakan Pa, Bamim, Pa, Ba. dalam Johor dengan mempunyai cawangan ditempat-tempat lain bagi maksud memelihara dan memajukan Bahasa Melayu dengan berkeadaan yang betul dan persekolahan dan mereka itu memperhajati akan pernaungan kita supaya apa-apa yang diambil susah oleh mereka itu menzahirkan setelah diperbahaskan dalam persidangan bagi pakatan itu akan diaku dan dipakai dalam Johor.<sup>76</sup>

Sejauh perbincangan ini, ternyata pada masa itu kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam di Johor berkembang seiring dengan pertumbuhan Bahasa Melayu itu sendiri. Kegiatan penterjemahan dan penulisan yang dinyatakan sebelum ini hanya dapat dihidupkan tatkala kefahaman di samping

<sup>71</sup> Noorilham Ismail dan Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2021), "Ahmad Bin Ya'qub Al-Johori dan Idea Pendidikan Perempuan Dalam Kerajaan Johor," *Global Journal Al-Thaqafah*, Jil. 11, Bil. 2, h. 73-85.

<sup>72</sup> Za'ba (1950), *Ilmu Mengarang Melayu*, Kuala Lumpur: Malaya Publishing House, h. vii.

<sup>73</sup> 1998/0023204 (1936), Siapakah Dia Mussolini oleh Syed Ahmad bin Sheikh Abu Bakar, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>74</sup> 2006/0035736, SP 10/100 (t.t.), *Syair Memuji-Muji Negeri Johor* (Versi Arab dan Melayu Jawi), Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>75</sup> 2006/0051703, SS 2883/40 (1939), *Penyata Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>76</sup> 2007/ 0024475, SP 60/5 (1935), *Belajar atau Mengajar (Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa Diraja) Bagi Johor*, Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

penguasaan bahasa Melayu itu dicapai oleh para penuturnya. Perkara tersebut hanya terlaksana apabila ia dibuat secara kerjasama antara satu sama lain sama ada galakan daripada golongan pembesar Melayu Johor, barisan mufti di samping individu seperti Abdu'llah 'Abdu'r-Rahman Al-Johori dan Ahmad bin Ya'qub Al-Johori. Bagi menghidupkan budaya membaca, terdapat perpustakaan (kutub khanah) untuk sekolah-sekolah agama yang telah diperuntukkan dengan bekalan bahan-bahan ilmiah seperti di daerah Johor Bahru (52 buku), Muar (157 buku), Batu Pahat (179 buku), Segamat (77 buku), Pontian (271), Kota Tinggi (84 buku) dan Mersing (148 buku).<sup>77</sup> Lebih signifikan, perkara berkenaan telah dizahirkan dalam kerangka imperialisme British yang semakin meluas di bumi Johor pada masa itu.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, dari tahun 1914 hingga 1941 telah menyaksikan bahawa kegiatan ilmu di Johor yang berasaskan Islam tetap bertahan biarpun British giat meluaskan imperialismenya. Keupayaan untuk mempertahankan perkara ini bertitik tolak dari kesedaran dan tanggungjawab oleh pembesar Melayu dalam Kerajaan Johor yang kemudiannya digerakkan dengan peranan oleh pihak rakyat ketika itu. Sekiranya rakyat di Johor tidak menyambut baik atau memberi sokongan kepada perkara tersebut, sudah pasti usaha untuk mempertahankan kegiatan ilmu pengetahuan itu tidak dapat terlaksana. Dengan itu, penghasilan karya-karya ilmiah yang berasaskan Islam dapat dihidupkan bagi manfaat masyarakat dalam Kerajaan Johor itu sendiri. Tambah signifikan apabila kandungan dalam karya-karya tersebut telah disampaikan kepada masyarakat menerusi peranan oleh Jabatan Agama Johor, Pejabat Kadi Daerah di samping sekolah-sekolah agama yang dipertanggungjawabkan untuk berbuat demikian. Dengan itu, kesan negatif daripada imperialisme British dapat diimbangi dan mencerminkan betapa masyarakat di Johor tidak pasif apabila diasak oleh ancaman penjajahan berkenaan. Justeru, kegiatan ilmu pengetahuan berasaskan Islam di Johor dapat dipertahankan malahan perkara berkenaan masih berkesinambungan sehingga ke hari ini.

## Rujukan

1998/0023204 (1936), Siapakah Dia Mussolini oleh Syed Ahmad bin Sheikh Abu Bakar, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

1998/0025940 (1934), Undang-undang Baitul Mal Jabatan Agama Johor Bil. 18, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2001/0013637 (1933), Panduan di dalam Pekerjaan Pegawai-pegawai Agama Johor iaitu Pergunaan bagi menjalankan kerja nikah, cerai, rujuk bagi Kadi-Kadi dan Naib Kadi (Jurunikah) Imam-imam Jumaat dan Pemeriksa Agama, Pengajar-pengajar Agama dan lainnya di dalam Jajahan Johor, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2001/0013644 (1941), Jabatan Agama Johor: Perhimpunan Pekeliling-pekeliling yang berkenaan dengan Aturan Kerja-Kerja Pegawai Masjid Kerajaan Johor, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2002/0018555 (1983), Church of The Immaculate Conception Johor Bahru Souvenir Magazine, 1883-1983, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2003/0008708 (1952), Risalah Al-Tauhid (pnys. Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusuf), Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2006/0035736, SP 10/100 (t.t.), Syair Memuji-Muji Negeri Johor (Versi Arab dan Melayu Jawi), Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2006/0050871 (1915), Undang-Undang Cukai Arak Bil. 4 1915, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>77</sup> 2006/0051703, SS 2883/40 (1939), Penyata Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2006/0050917 (1919), Undang-Undang Opium & Candu, Bil. 19, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2006/0051393 (1931), Johor Annual Report 1931, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2006/0051703, SS 2883/40 (1939), Penyata Sekolah-Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2007/0024475, SP 60/5 (1935), Belajar atau Mengajar (Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa Diraja) Bagi Johor, Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2007/0038341, SP 202/8/01 (1911), Hikayat Johor Yang Pertama: Menceritakan Kerajaan Johor dari 1818 hingga 1895 oleh Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, Kapten, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2007/0005634 (1917), Johor Annual Report 1917, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2007/0005635 (1918), Johor Annual Report 1918, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2007/0005643 (1930), Johor Annual Report 1930, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2012/0013772, CO 273/319 No. 46548 (1906), Secretary Of State: Straits Of Johore, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2014/0004856 (1915), The Annual Report of the General Adviser to the Government of Johor for the year 1915. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

2016/0051296, No. 04729 (1914), Johore Enactments 1910-1914, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Abd. Jalil Borham (2002), *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan dan Komentar*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Razak Ahmad dan Morshidi Sirat (2019), “Langkah Masa Hadapan untuk Negeri Johor,” dlm. Mohd Farid Mohd Sharif, Muhammad Zuhair Zainal dan Mohd Nizam Sahad (ed.), *Sekolah Agama & Pendidikan Islam Negeri Johor: Agenda Transformasi*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 129-140.

Abdu'llah 'Abdu'r-Rahman Al-Johori (2017), *Risalah Seruan kepada Jenis Yang Lembut Perempuan-Perempuan*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

Ahmad bin Ya'qub Al-Johori (2017), *Kitab Adab Perempuan*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

Ahmad bin Ya'qub Al-Johori (2018), *Kitab Adab Perempuan Juzu' Yang Pertama*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

Ahmad Fawzi Basri (1988), *Johor 1855–1917: Pentadbiran dan perkembangannya*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Al-Abdu Al-Faqir Al-Faaniy Muhammad bin Ismail Daud Fatani. (2020). *Matla' Al-Badrain Wa Majma' Al-Bahrain*. Batu Caves: Al-Hidayah House House of Publishers Sdn. Bhd.

Al-Sayyid Shaykh Al-Hadi (2019), *Kitab 'Alam Perempuan*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

Arbai'yah Mohd Noor (2021), “Pendidikan Melayu dan Agama di Johor Bahru, 1857-1957,” *Peradaban*, Jil. 14, Bil. 1, 18-36.

Azlizan Mat Enh dan Siti Alwaliyah Mansor (2019), "Establishment of Penang Prison under British in Malaya," *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, Jil. 16 Bil. 6, 1-11.

Bharuddin Che Pa (2007), "Pengaruh Islam dalam Sejarah Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895," *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 2, Bil. 1, 89-112.

Cowan, C.D. (1961), *Nineteenth century Malaya: The Origins of British Political Control*, London: Oxford University Press.

Emerson, R. (1964), *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

FO 93/46/17 (1824), Treaty, Territorial Arrangements and Commerce, East Indies [Anglo-Dutch Treaty-or the treaty of London], 17 Mac 1824, London: The National Archives.

Fadilah Zaini dan Kamaruzzaman Yusoff (2016), *Sejarah Awal Pentadbiran Agama Islam*, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Hashim Musa (2005), *Bustan al-Katibin (Karangan Raja Ali Haji)*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2014), *Turjuman Al-Mustafid: Terjemahan Tafsir al-Baydawi oleh Syaykh 'Abd Ra'uf ibn 'Ali al-Fansuri al-Jawi*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

J/KAD2 73/34 (1934), Rang Keputusan Mesyuarat Pelajaran Agama yang telah diadakan pukul 11 pagi 6 Februari 1934 di Pejabat Agama Johor, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor.

J/PU 3 (1895), Undang-undang Tubuh Kerajan Johor 1895, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/SUK 1 141 (1902), State Secretariat Letter Book, 1900-1902, Band Instruments Presented to Singapore Volunteer Corps, 6 Julai 1901, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia cawangan Johor.

J/SUK 1 SS 816/1929 (1929), Pesuruhjaya, Ketua-ketua Kampong bagi setiap-setiap daerah hendaklah menguatkan anak-anak Islam belajar Sekolah Agama, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UG X (1913), Majalah Ahkam Johor, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UG 7 36/05 (1936), Berkenaan dengan Elaun Guru Kelas Ugama Perempuan Dibayar daripada Baitul Mal Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UG 7 8/33 (1933), Sukatan Pelajaran Sekolah Agama Johor, 1933, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UG 7 149/35 (1935), Rundingan bagi Ajinda mesyuarat Pelajaran Ugama pada 6.4.34, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UG 7 164/36 (1936), Mengadakan Aturan yang dinamakan Peraturan Sekolah-sekolah Ugama Johor iaitu mengandungi pekerjaan murid-murid, guru-guru dll 28.3.36, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UG7 63/02 (1942), Menghaluskan Semula Rang Undang-undang Kawalan Orang Islam Johor, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UG7 91/48 (1939), Undang-undang Kawalan Orang-orang Islam tahun 1939, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Kamarul Afendey Hamimi (2018), “Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1906-1957,” Tesis Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kassim Thukiman (2014), *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Khalid M. Hussain (1992), *Taj Us-Salatin (Karangan Bukhari Al-Jauhari)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalif Muammar A. Harris (2016), *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji: Huraiyan Terhadap Thammarat al-Muhimmah & Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahani Musa (2020), “Pelacuran dan Isu Bersekedudukan dalam Kalangan Wanita Melayu di Johor, 1930-an–1950-an,” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Jil. 47, Bil. 2, h. 47-77.

Majlis Ugama 5/33 (1933), Pelajaran Agama bagi anak-anak orang Islam report Pejabat Agama, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Majlis Ugama 22/34 (1934), Minta bawakan rundingannya berkenaan pelajaran Ugama perempuan-perempuan yang di cerok-cerok supaya diberi tauliah kepada perempuan-perempuan oleh Kadhi Daerah, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Mohd Hafiz Othman, Ermy Azziaty Rozali dan Napisah Karimah Ismail (2021), “Majalah Ahkam Johor: Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Johor pada Akhir Abad ke 19,” *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 16, Bil. 2, 1-19.

Muhammad Izuan Abdul Rahman (2014), “Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Memperjuangkan Identiti dan Kedaulatan Johor, 1862-1957,” Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Zainiy Uthman (2011), *Lata'if al-Asrar li-Ahl Allah al-Atyar of Nur al-Din al-Raniri: An Annotated Transliteration Together with a Translation and an Introduction of His Exposition on The Fundamental Aspects of Sufi Doctrines*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Noorilham Ismail dan Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2021), “Ahmad Bin Ya’qub Al-Johori dan Idea Pendidikan Perempuan Dalam Kerajaan Johor,” *Global Journal Al-Thaqafah*, Jil. 11, Bil. 2, 73-85.

Nurul Wahidah Fauzi (2012), “Ulama Arab Hadhrami dalam pentadbiran dan pendidikan Islam di Johor: Analisis terhadap sumbangan Syed ‘Abd Qadir bin Muhsin al-Attas dan Syed ‘Alwi b. Tahir al-Haddad,” Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.

Perpustakaan Negara Malaysia (2013), *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965; Old Treaties & Documents of Malaysia, 1791-1965*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Siti Zahrah Mahfood (2018), “Kedudukan Politik dan Sosioekonomi Masyarakat Melayu dalam Akhbar dan Majalah Terbitan Negeri Johor Sebelum Perang Dunia Kedua,” Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

Sugimoto, I. (2011), *Pentadbiran Kewangan Kolonial di Johor*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Syed Hussein Alatas (2000), “Intellectual Imperialism: Definition, Traits, and Problems,” *Southeast Asian Journal of Social Science*, Jil. 28, Bil. 1, h. 23-45.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1966), “The Mysticism of Hamzah Fansuri,” Tesis Doktor Falsafah, School of Oriental and African Studies, University of London.

*Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 19 (2), 2024, 169-186

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: ABIM.

Syed Syeikh Al-Hadi (2017), *Ugama Islam dan Akal*, Kuala Lumpur: Malaha Press.

Za'ba (1950), *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Malaya Publishing House.